



**PELAN STRATEGIK ICT
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
(2012 – 2015)**

KANDUNGAN	2
KATA-KATA ALUAN	3
PENGHARGAAN	4
1.0 PENGENALAN	5
2.0 PENDEKATAN PROJEK	5-7
2.1 Struktur Jawatankuasa ISP	8
3.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGI BISNES	9-10
3.1 Visi dan Misi ICT	11
3.2 Teras Strategik ICT	12
3.3 Penjajaran Strategik Bisnes dengan Strategi ICT	13
4.0 INISIATIF STRATEGI ICT	14
4.1 Pemetaan Strategi ICT PTGS	
Dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam	15
5.0 PELAN TINDAKAN	16
5.1 Strategik, Program Dan Petunjuk Prestasi Utama (Kpi)	17-31
6.0 PELAN PELAKSANAAN	32-35
6.1 Faktor Kritikal Kejayaan	36-37
7.0 PENUTUP	37



KATA – KATA ALUAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana diatas keizinanNya Pelan Strategik ICT Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (ISP PTGS) 2012 – 2015 ini berjaya dihasilkan.

ISP PTGS merupakan suatu anjakan bagi mempertingkatkan keupayaan Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) dalam usaha untuk mencapai visi jabatan dan penyampaian perkhidmatan kepada pihak yang berkepentingan. Disamping itu ISP PTGS juga merupakan sumber rujukan yang penting bagi pembangunan ICT peringkat jabatan disamping memastikan projek ICT yang dirancang mematuhi dan selari dengan fungsi dan teras jabatan.

Oleh yang demikian, ISP PTGS 2012 – 2015 ini akan membantu dalam menentukan hala tuju dan memastikan Visi ICT PTGS dicapai pada tahun 2015. Dengan adanya Pelan Strategik ICT yang terang dan jelas diharapkan dapat memberi kefahaman dan panduan kepada seluruh anggota PTGS dalam usaha peningkatan penyampaian perkhidmatan ke arah wawasan yang disasarkan dengan menggunakan teknologi ICT sedia ada.

Akhir kata, saya memohon sokongan semua pihak terutamanya jabatan dan agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan serta masyarakat umum dalam menjayakan pelan ini supaya ianya mampu memberi impak yang positif dan memberi manfaat kepada anggota PTGS dan pelanggan jabatan yang dihormati.

Sekian, terima kasih.

KAMARULZAMAN BIN JAMIL
Pengarah Tanah Dan Galian Selangor

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang bersama-sama menjayakan projek ini. Kami bersyukur kerana telah berjaya menghasilkan projek ini dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang telah menghulurkan bantuan terutama Pasukan Perunding ISP MAMPU dan Jawatankuasa yang dilantik yang telah memberikan komitmen dan kerjasama untuk kami melancarkan projek pembangunan Pelan Strategik ICT.

Dalam tempoh penghasilan Pelan Strategik ICT ini, kami telah menghadapi pelbagai kesulitan namun dapat diselesaikan hasil daripada kerjasama yang telah diberikan oleh semua ahli pasukan. Pelan Strategik ICT PTGS disediakan bertujuan untuk membantu jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Pelan ini bersesuaian dengan peranan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) selaku penyumbang kecemerlangan organisasi di dalam aspek ICT serta membantu PTGS melaksanakan dasar dengan berkhemah, cekap dan berkesan.

Akhir kata, semoga ISP PTGS ini dapat dijadikan rujukan dan garis panduan yang jelas bagi pembangunan ICT di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Sekian, terima kasih.

1.0 PENGENALAN

Pembangunan Pelan Strategik ICT (ISP) Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) ini digubal oleh Pasukan Pembangunan ISP PTGS yang telah dilantik dan terdiri daripada warga kerja PTGS di semua peringkat dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT Sektor Awam MAMPU.


Pelan Strategik ICT PTGS mengambil masa selama empat bulan untuk dibangunkan dan digubal sepenuhnya iaitu bermula Februari – Mei 2012. Beberapa siri perbincangan dan bengkel telah diadakan sepanjang tempoh tersebut bagi mengumpul maklumat yang diperlukan sehinggalah ia siap sepenuhnya.

Skop ISP PTGS merangkumi perkara seperti berikut:

- a. Keperluan ICT PTGS melibatkan pengguna, rangkaian, peralatan ICT, sistem aplikasi dan pembangunan kandungan.
- b. ISP ini mengambilkira keperluan baru bagi pelaksanaan inisiatif ICT PTGS dan kolaborasi dengan agensi lain.
- c. Meneruskan pelaksanaan projek ICT dengan pendekatan yang bersesuaian dan bajet tahunan yang disediakan.
- d. Pembangunan ISP dilaksanakan secara dalaman dengan kerjasama khidmat perunding daripada pihak MAMPU.

2.0 PENDEKATAN PROJEK

Metodologi ASF digunapakai untuk mengetahui keperluan bisnes agensi dan diterjemahkan bagi menentukan keperluan ICT PTGS bagi tempoh empat tahun (2012 - 2015) seperti yang digambarkan pada Rajah 2-1.



Rajah 2-1: Metodologi ASF

Pembangunan ISP ini melibatkan tiga peringkat seperti berikut:

- Peringkat Pertama : Analisis Persekitaran Bisnes dan ICT
- Peringkat Kedua : Pembangunan Strategi ICT
- Peringkat Ketiga : Pembangunan Pelan Pelaksanaan

2.0 PENDEKATAN PROJEK

Aktiviti-aktiviti utama dalam pembangunan ISP bermula daripada peringkat pertama hingga peringkat ketiga adalah seperti yang disenaraikan berikut:

i. Pengumpulan Maklumat

Pengumpulan maklumat dilakukan menerusi semakan dokumen Pelan Strategik Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (2011 - 2015) dan dokumen-dokumen rujukan yang lain bagi mengenal pasti peranan dan fungsi PTGS serta potensi ICT yang boleh disediakan.

ii. Bengkel Analisa Persekitaran Bisnes dan ICT

Bengkel telah dijalankan pada 13,14,15 dan 20 Disember 2011 untuk mengetahui tahap keupayaan aplikasi dan infrastruktur ICT semasa PTGS, mengenal pasti aplikasi dan infrastruktur ICT yang perlu diwujudkan untuk tempoh 2012 – 2015 dan mengenal pasti aspek ICT yang perlu ditingkatkan bagi tujuan penambahbaikan.

iii. Mesyuarat

Mesyuarat penyelarasan diadakan diantara perunding, PMO dan pasukan yang telah dibentuk bagi membincangkan perkembangan setiap aktiviti yang telah dijalankan.

iv. Bengkel Pembangunan Strategi ICT

Bengkel telah dijalankan pada 10 Februari 2012. Tujuan bengkel ini adalah bagi mengenalpasti Visi, Misi, Objektif dan Teras Strategik ICT Pejabat Tanah dan Galian Selangor

v. Bengkel Pelan Tindakan

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 27-29 Februari 2012 dan bertujuan untuk membincangkan pelan tindakan dan anggaran kos pelaksanaan.


vi. Bengkel Penulisan Dokumen ISP

Bengkel ini telah dijalankan pada 12-14 April 2012 bagi menyediakan dokumen akhir Pelan Strategik ICT PTGS.

2.1 STRUKTUR JAWATANKUASA ISP

Satu jawatankuasa telah dibentuk untuk memastikan pembangunan ISP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jawatankuasa ini dinamakan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan ISP dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat (CIO) PTGS selaku Pengarah Projek. Jawatankuasa ISP ini telah melibatkan keanggotaan dari setiap bahagian/unit di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

**CARTA STRUKTUR PELAN STRATEGIK ICT
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR (PTGS)**



Rajah 2-2: Carta Organisasi Projek

3.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK BISNES

Visi, Misi dan Strategi Teras PTGS adalah seperti berikut:

VISI PTGS



- Menjadi Organisasi Pentadbiran Dan Pengurusan Tanah Yang Terbaik Dan Termoden Di Malaysia Menjelang 2015.

MISI PTGS



- Mentadbir Dan Menguruskan Tanah Selaras Dengan Dasar-Dasar Kerajaan Negeri Dan Persekutuan Bagi Mencapai Perkhidmatan Yang Berkualiti, Cekap Dan Berkesan.

3.0 VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK BISNES

Pelan Strategik PTGS telah menetapkan 4 teras utama seperti berikut:



Rajah 3-1: Teras Pelan Strategi PTGS

3.1 VISI DAN MISI ICT

Penetapan Visi dan Misi ICT untuk Pejabat Tanah Dan Galian Selangor adalah seperti berikut

VISI



- ICT Sebagai Pemacu Strategik Dalam Peningkatan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Urus Tadbir Tanah.

MISI



- Memperkasakan ICT Bagi Memastikan Urus Tadbir Tanah Holistik Dan Sistematik ; Dan
- Membudayakan Penggunaan ICT Bagi Memantapkan Perkhidmatan Urus Tadbir Tanah

Rajah 3-2: Visi dan Misi ICT

3.2 TERAS STRATEGIK ICT

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor telah menetapkan empat teras Strategik ICT untuk memacu hala tuju ICT sebagaimana yang ditetapkan menerusi Visi dan Misi ICT PTGS.

Teras Strategik ICT berserta objektifnya adalah seperti berikut:



Rajah 3-3: Teras Strategi ICT

3.3 PENJAJARAN STRATEGIK BISNES DENGAN STRATEGI ICT

Teras Strategik ICT PTGS perlulah sejajar dengan Teras Strategik PTGS yang dinyatakan dalam Pelan Strategik PTGS 2011 – 2015. Rajah di bawah menunjukkan hubungan antara Teras Strategik Bisnes dan Teras Strategik ICT PTGS.




Rajah 3-4: Hubungan antara Teras Strategik dan Teras Strategik ICT PTGS.

4.1 PEMETAAN STRATEGI ICT PTGS DENGAN RANGKA KERJA ICT SEKTOR AWAM

Strategi ICT PTGS mestilah selaras dengan rangka kerja ICT sektor awam. Pemetaan rangka kerja ICT PTGS 2012 – 2015 dengan rangka kerja ICT Sektor Awam 2011 – 2015 adalah seperti Rajah 4-2.

RANGKA KERJA ICT PTGS 2012-2015



Rajah 4-2: Pemetaan rangka kerja ICT PTGS dengan rangka kerja ICT Sektor Awam

5.0 PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan ICT PTGS merangkumi inisiatif strategik dan program ICT serta petunjuk prestasi utama.

5.1 STRATEGIK, PROGRAM DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Berpandukan empat teras strategik ICT yang dibentuk, sebanyak sebelas strategi dan tiga puluh lapan program ICT telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan pemacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian PTGS berteraskan ICT. Kesemua strategi akan menyumbang kepada pengukuhan pelaksanaan ICT di PTGS bermula tahun 2012 sehingga tahun 2015.

Strategi dan program ICT serta Petunjuk Prestasi Utama mengikut teras adalah seperti di Jadual 5-1 hingga Jadual 5-4:

Jadual 5-1: Teras 1 - Pengukuhan dan Keselamatan ICT

Strategi	Program	KPI
1. Peningkatan keupayaan dan perluasan infrastruktur ICT	1a. Perolehan peralatan dan perisian ICT • Patch/upgrade management • Komputer peribadi • Komputer riba • Mesin pencetak • Mesin pengimbas • Mesin GPS • Mesin plotter • Mesin interkom • Kiosk	Mac 2012 • Kelulusan perolehan JPICT PTGS Ogos 2012 • Pelantikan pembekal Okt 2012 • Pemasangan selesai
	1b. Pusat Data Teknologi Hijau • Penggunaan UPS di Pusat Pengurusan Data • Penggunaan Teknologi <i>Virtualization</i> • Sistem penyejukan pada ruang peralatan sistem dan rangkaian • Sistem pemadam kebakaran menggunakan gas yang mempunyai potensi pemanasan global sifar (0%) • Sistem pencahayaan menggunakan LED • Amalan kitar semula	Mac 2013 • Kelulusan satu laporan kajian dan kertas cadangan oleh JPICT Jul 2013 • Pemilihan pembekal Dis 2013 • Pemasangan dan pengujian selesai

Strategi	Program	KPI
1. Peningkatan keupayaan dan perluasan infrastruktur ICT	1c. Single Sign On • Penyediaan server dan sistem	Ogos 2013 • Kelulusan satu laporan kajian dan kertas cadangan oleh JPICT Feb 2014 • Pelantikan pembekal Jun 2014 • Pemasangan dan pengujian selesai
	1d. <i>Helpdesk (Call Center)</i> • Talian khas aduan kerosakan dan masalah teknikal • Bantuan teknikal • Panduan baik pulih asas • Sistem <i>helpdesk</i>	Jul 2012 • Kelulusan talian <i>direct line</i> dan sistem <i>helpdesk</i> Sep 2012 • Penyediaan dokumen panduan dan pemilihan pembekal sistem Dis 2012 • Pemasangan dan pengujian selesai

Strategi	Program	KPI
1. Peningkatan keupayaan dan perluasan infrastruktur ICT	1e. Perluasan <i>Centralized Backup</i> dan <i>Restore</i> • Lesen dan <i>Appliance Continuos Data Protection (CDP)</i> • <i>Virtual Tape Library(VTL)</i> • <i>Redundancy Server</i> • Perisian <i>Vmware</i> • Rangkaian Selangor*net • 9 Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) dan PTGS • Storage data • Jaminan, penyelenggaraan, dan Latihan 1f. Penyelenggaraan Infrastruktur ICT • Perkakasan dan Peralatan ICT • Penyelenggaraan kabel rangkaian bangunan	Mac 2012 • Kelulusan perolehan JPICT PTGS Jun 2012 • Pelantikan pembekal Okt 2012 • Pemasangan dan pengujian selesai Setiap tahun • Laporan penyelenggaraan tahunan diluluskan

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan keselamatan maklumat	2a. Pusat Pemulihan Bencana (DRC) - Sewaan ruang DRC milik PTMK Negeri Selangor di Cyberjaya - Fasa 2 : Server kritikal milik PTGS - Penyediaan <i>storage</i> berpusat - Rangkaian <i>dedicated</i> daripada SUK ke Cyberjaya	Mac 2012 - Kelulusan JPICT Okt 2012 - Pelantikan pembekal Jun 2013 - Selesai pemasangan dan pengujian DRC
	2b. Penyediaan Pelan Pemulihan Bencana (DRP)	Ogos 2014 - Kelulusan Kertas cadangan Jan 2015 - Pelantikan konsultan Jun 2015 - Kelulusan sebagai dokumen dasar
	2c. Pengukuhan Keselamatan Rangkaian Dalaman - Mengawal rangkaian server DMZ dan pengguna <i>Active Directory (AD)</i> <i>Desktop Management</i> – Penyimpanan Rekod IP Pengguna - TCO	Okt setiap tahun - Satu laporan tahap keselamatan rangkaian - Satu laporan <i>network performance</i> - Satu laporan pelaksanaan AD

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan keselamatan maklumat	2d. <i>Security Posture Assessment (SPA)</i>	- Satu laporan SPA setiap tahun yang diluluskan - Cadangan pengukuhan dilaksanakan berdasarkan laporan SPA
	2e. Hilra	Dis 2014 Satu laporan HILRA
	2f. MyRAM	Dis 2015 Satu laporan MyRAM
	2g. Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)	Dis 2015 Satu laporan MyRAM
	2h. Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007	Dis 2015 Satu laporan pelan kesinambungan (PKP) yang diperakukan

Jadual 5-2: Teras 2 - Pemantapan Aplikasi dan Pangkalan Data Secara Bersepadu

Strategi	Program	KPI
1. Pembangunan Aplikasi Baru	1a. Sistem Pengurusan Data Tanah Bersepadu • Pendaftaran Hakmilik • Pembangunan Strata • Pembangunan Tanah • Pengurusan, Penguatkuasaan, Pengambilan Tanah dan Teknikal • Pengurusan Hasil • Perundangan Tanah	Mac 2013 • Satu laporan kajian dan kertas cadangan pembangunan aplikasi yang diluluskan. Jun 2013 • Lantik Vendor Ogos 2013 • Dokumen lengkap kajian keperluan sistem dan jadual pelaksanaan Sep 2013 – Jan 2014 • Pembangunan sistem mengikut jadual yang ditetapkan Feb 2014 • Pengujian Jun 2014 • Migrasi data Jul 2014 • Integrasi sistem Sep 2014 • Dokumentasi lengkap sistem Nov 2014 • Latihan Dis 2014 Sistem pengurusan data tanah bersepadu • sedia digunakan

Strategi	Program	KPI
1. Pembangunan Aplikasi Baru	1b. Inisiatif MyID PTGS - Semakan Fail Pembangunan Tanah - Sistem E-Filling PTGS	Apr 2012 - Satu laporan kajian dan kertas cadangan pembangunan aplikasi yang diluluskan Mei 2012 - Dokumen lengkap kajian keperluan sistem dan jadual pelaksanaan Ogos - Okt 2012 - Pembangunan sistem mengikut jadual yang ditetapkan Nov 2012 - Pengujian Dis 2012 - Dokumentasi lengkap sistem Jan 2013 - Latihan Feb 2013 - Kedua-dua sistem sedia digunakan

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan Aplikasi Sedia ada	Pembangunan Dalam 2a. Sistem Semakan Online • MySMS • Kiosk 2b. Portal PTGS • Download Borang Berkanun 2c. Sistem Pendaftaran Fail Rahsia • Pengurusan Fail	Ogos 2012 • Satu laporan kajian dan kertas cadangan pembangunan aplikasi yang diluluskan Okt 2012 • Dokumen lengkap kajian keperluan sistem dan jadual pelaksanaan Nov 2012 – Jan 2013 • Pembangunan sistem mengikut jadual yang ditetapkan Feb 2012 • Pengujian Mac 2012 • Dokumentasi lengkap sistem Mei 2013 • Latihan Jun 2013 • Sistem Semakan Online sedia digunakan • Portal PTGS sedia digunakan • Sistem Pendaftaran Fail Rahsia sedia digunakan

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan Aplikasi Sedia ada	Pembangunan Luaran 2d. SPHS • modul penomboran dalam S&P 2e. Sistem Integrasi SPTB -SPHT • laporan pemantauan semakan 2f. Sistem SELAMAT • Sistem Pungutan • SPTB • SPHS 2g. Landbank Library System (LBLS) • dokumen hakmilik (landed/strata)	Sept 2012 • Satu laporan kajian dan kertas cadangan pembangunan aplikasi yang diluluskan Okt 2012 • Lantik Vendor Nov - Dis 2012 • Dokumen lengkap kajian keperluan sistem dan jadual pelaksanaan Jan - Feb 2013 • Pembangunan sistem mengikut jadual yang ditetapkan Mac 2012 • Pengujian April 2012 • Dokumentasi lengkap sistem Mei 2013 • Latihan Jun 2013 • Sistem SPHT sedia digunakan • Sistem SPHS sedia digunakan • Sistem Integrasi SPTB-SPHT sedia digunakan Dis 2013 • Sistem SELAMAT sedia digunakan • Landbank library system sedia digunakan

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan Aplikasi Sedia ada	2h. Penyelenggaraan Aplikasi • Sistem SPD • Sistem QMS • Sistem E-Wakil • Sistem E-Surat • Sistem E-Aduan • Sistem Permohonan Tanah Warganegara Asing • Sistem Warta Jawatan • Sistem Warta Tanah • E-Bil Strata • E-Pungutan • E-Perserahan • E-SPHS • Sistem Tempahan Kenderaan • Sistem Latihan Dan Kakitangan	Dis setiap tahun • Laporan penyelenggaraan aplikasi tahunan yang diluluskan

Strategi	Program	KPI
3. Pengintegrasian Aplikasi Sedia ada	3a. SPTS dengan Pendaftaran Fail Rahsia STFS. - e-Mohon selangor 3b. Integrasi sistem SPTB/SPHS/ E-mohon Selangor dll.dengan sistem agensi luar - E-Kadaster (JUPEM) - Biometrik (JPN) - E-Stamping (LHDN) - OSC Online. (KPKT)	Feb 2013 - Satu laporan kajian dan kertas cadangan pembangunan aplikasi yang diluluskan Jun 2013 - Dokumen lengkap kajian keperluan sistem dan jadual pelaksanaan Jul - Dis 2013 - Pembangunan sistem mengikut jadual yang ditetapkan Jan 2014 - Pengujian Mac 2014 - Dokumentasi lengkap sistem Mei 2014 - Latihan Jun 2014 - SPTS dengan Pendaftaran Fail Rahsia STFS. Sistem sedia digunakan - Integrasi sistem SPTB/SPHS e-Mohon Selangor dan lain-lain dengan sistem agensi luar - Sistem sedia digunakan

Jadual 5-3: Teras 3 – Pemantapan Tadbir Urus ICT Secara Efektif

Strategi	Program	KPI
1. Pengukuhan Polisi dan Prosedur ICT	1a. Pengwujudan Prosedur ICT • Tatacara Penggunaan Emel • SOP Backup dan Restore • SOP Helpdesk ICT • SOP Penyelenggaraan Peralatan ICT	Okt 2012 • Dua dokumen SOP iaitu Backup dan Restore serta SOP tatacara penggunaan email yang diluluskan Dis 2012 • Dua dokumen SOP iaitu Helpdesk ICT dan penyelenggaraan peralatan ICT yang diluluskan
	1b. Penilaian Semula Polisi Dan Prosedur ICT • Dokumen Keselamatan ICT PTGS (DKICT)	Okt 2012 • Satu DKICT yang telah ditambahbaik Jun 2014 • Satu Laporan Kajian impak yang diluluskan Ogos 2014 • 1 DKICT yang telah ditambah baik

Strategi	Program	KPI
2. Pemantapan Jawatankuasa Pengurusan ICT	2a. Pewujudan Jawatankuasa Baru i. Jawatankuasa Pemantauan Sistem Bersama Agensi Luar a. JPN b. PBT c. SSM d. JUPEM e. JPJ f. LHDN g. Insolvency h. JPBD i. KPKT j. BPP, MOF ii. Jawatankuasa Pemantauan Pengurusan Maklumat Tanah a. Strata b. Biometrik c. SelIS	Jul 2012 • Dua jawatankuasa ICT ditubuhkan Setiap Tahun • Dua kali mesyuarat bagi setiap jawatankuasa
	2b. Audit ICT	Dis setiap tahun • Satu Laporan audit ICT tahunan yang diluluskan

Strategi	Program	KPI
3. Pengukuhan Struktur Organisasi ICT	3a. Kajian keperluan penstrukturan semula Bahagian Teknologi Maklumat.	Dis 2012 • Kelulusan PTG Dis 2013 • Kelulusan agensi pusat Jan 2014 • Pelaksanaan bermula

Jadual 5-4: Teras 4 – Peningkatan Kemahiran Dan Pembudayaan ICT


Strategi	Program	KPI
1. Peningkatan Pengetahuan Dan Kemahiran ICT	1 a. Pembangunan Pelan Latihan ICT • Khusus untuk pegawai ICT • Khusus untuk pengguna sistem	Okt 2012 • Satu laporan pelan latihan ICT 2013 – 2015 yang diluluskan
	1 b. Pelaksanaan Pelan Latihan ICT • Khusus untuk pegawai ICT • Khusus untuk pengguna sistem	Setiap tahun • Pegawai ICT perlu menghadiri kursus ICT minimum satu kursus • Minimum 10 sesi latihan sistem kepada pengguna sistem • Mencapai pelaksanaan kursus ICT yang dirancang keseluruhannya minimum 90% • Mencapai kehadiran peserta minimum 75% bagi setiap kursus Dis 2015 • Satu laporan kajian impak dan cadangan penambahbaikan kepada pelan latihan ICT
	1 c. Pelaksanaan Pelan Pusingan Kerja Pegawai ICT secara berkala	Dis 2012 • Cadangan pelan pusingan kerja yang diluluskan Jun 2014 • Satu Laporan Kajian Impak dan cadangan penambahbaikan yang diluluskan Dis 2014 • Cadangan pelan pusingan kerja yang diluluskan

Strategi	Program	KPI
2. Pengukuhan dan Pembudayaan ICT secara holistik	2a. Program Kesedaran dan Promosi ICT • Pelaksanaan Bulan ICT • Penyebaran ICT melalui media elektronik • Taklimat ICT	Setiap Tahun • Bulan ICT Minimum sekali setahun • Satu hebahan setiap bulan didalam portal dan email • Minimum 1 taklimat ICT setahun Jun 2015 • Mencapai tahap kesedaran ICT dikalangan warga PTGS minimum 70%
	2b. Pengiktirafan ICT • Anugerah Inovasi ICT Sektor Awam Selangor • Penarafan bintang dalam pertandingan portal/web oleh MDEC	Mulai Tahun 2013 • Kedudukan ketiga terbaik dalam pertandingan Anugerah Inovasi sektor awam Selangor. Minimum satu kali • Kedudukan kelima terbaik dalam penarafan lima bintang oleh MDEC
	2c. Pensijilan Profesional ICT • Microsoft Certificate • Oracle Certificate • SQL Server Certificate	Setiap Tahun • Minimum Seorang Pegawai ICT mendapat persijilan professional ICT

Strategi	Program	KPI
3. Peningkatan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan agensi luar berkaitan	3a. Percambahan fikiran perkhidmatan ICT secara berkala, • Seminar (Pembentangan kertas kerja) • Bengkel • Lawatan	Setiap Tahun • Minimum satu sesi percambahan fikiran ICT

6.0 PELAN PELAKSANAAN

Pelan Pelaksanaan ICT menunjukkan maklumat terperinci pelaksanaan setiap program dan mengandungi maklumat aktiviti serta tempoh masa pelaksanaan. Pelaksanaan aktiviti ICT PTGS secara ringkas adalah seperti Rajah 6-1 hingga Rajah 6-4.



Rajah 6-1: Teras 1 - Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

Petunjuk

1a: Perolehan Peralatan dan Perisian ICT

1b: Pusat Data Teknologi Hijau

1c: *Single Sign On*

1d: *Helpdesk (Call Centre)*

1e: Perluasan *Centralised Backup & Restore*

1f: Penyelenggaraan Infrastruktur ICT

2a: Pusat Pemulihan Bencana (DRC)

2b: Penyediaan Pelan Pemulihan Bencana

2c: Pengukuhan Keselamatan Rangkaian Dalam


2d: *Security Posture Assessment (SPA)*

2e: HIRRA

2f: MyRAM

2g: Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)

2h: Pensijilan MS ISO/IEC 27001: 2007




Rajah 6-2: Teras 2 - Pemantapan Aplikasi Dan Pangkalan Data Secara Bersepadu

Petunjuk

- 1a: Sistem Pengurusan Data Tanah Bersepadu
- 1b: Inisiatif MyID PTGS
- 2a: Sistem Semakan Online
- 2b: Portal PTGS – Borang Berkanun
- 2c: Sistem Pendaftaran Fail Rahsia
- 2d: SPTS – Modul Pernomboran S&P

- 2e: Sistem Integrasi SPTB – SPHT – Laporan Pemantauan Semakan
- 2f : Sistem SELAMAT
- 2g: *Land Bank Library System – Landed/Strata*
- 2h: Penyelenggaraan Aplikasi
- 3a: e-Mohon Selangor
- 3b: Integrasi SPTB/SPHS/e-Mohon Selangor dengan aplikasi agensi luar



Rajah 6-3: Teras 3 - Pemantapan Tadbir Urus ICT Secara Efektif

Petunjuk


1a: Pewujudan Prosedur ICT

1b: Penilaian Semula Polisi dan Prosedur ICT

2a: Pewujudan Jawatankuasa Baru

2b: Audit ICT

3a: Kajian Keperluan Penstrukturan Semula Bahagian Teknologi Maklumat



Rajah 6-4: Teras 4 - Peningkatan Kemahiran Dan Pembudayaan ICT

Petunjuk

- 1a: Pembangunan Pelan Latihan ICT
- 1b: Pelaksanaan Pelan Latihan ICT
- 1c: Pelan Pusingan Kerja
- 2a: Program Kesedaran Dan Promosi ICT
- 2b: Pengiktirafan ICT
- 2c: Pensijilan Profesional ICT
- 3a: Percambahan Fikiran Perkhidmatan ICT Secara Berkala

6.1 FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

Faktor Kritikal Kejayaan merupakan salah satu kriteria yang penting dalam pelaksanaan Pelan Strategik ICT PTGS. Bagi memastikan setiap pelaksanaan tercapai, kriteria seperti di bawah perlu diambil kira oleh setiap bahagian dan personel yang terlibat. Faktor yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut :

i. Kerjasama daripada pihak yang terlibat

Setiap bahagian dan unit yang terlibat dalam pelaksanaan ISP ini perlu memberikan kerjasama dan bersedia memberi maklumbalas berkaitan dengan pelaksanaan inisiatif ICT. Ini kerana maklumat yang diperolehi akan menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu pelaksanaan inisiatif tersebut.

ii. Kewangan

Perancangan teliti bagi mendapatkan peruntukan kewangan perlu dilakukan supaya hasil yang diperolehi dapat membiayai perancangan ISP yang telah ditetapkan. Ini memerlukan kerjasama daripada pihak atasan dan bahagian yang berkaitan. Peruntukan kewangan ini adalah bagi memenuhi aktiviti dan program yang telah diatur mengikut keutamaan jabatan serta visi dan misi PTGS. Ia meliputi dari peringkat kajian sehingga pelaksanaan program.

iii. Kelulusan Jawatankuasa

Kelulusan daripada jawatankuasa di peringkat PTGS diperlukan dalam pelaksanaan infrastruktur dan pembangunan aplikasi. Oleh itu perancangan serta penyediaan kertas cadangan yang lengkap perlu disediakan bagi tujuan berkenaan. Ini bagi memastikan pelaksanaan projek dilakukan dalam masa yang telah dirancang.

iv. Keupayaan Personel ICT dan pembekal

Bagi program dan aktiviti yang dirancang dalam fasa pembangunan, kemahiran personel ICT merupakan perkara yang amat penting. Faktor seperti bilangan personel sedia ada, bebanan kerja serta kemahiran yang diperlukan juga perlu diambil kira. Kemahiran personel yang tinggi amat diperlukan untuk pelaksanaan infrastruktur dan pembangunan aplikasi. Kemahiran dan keupayaan pembekal juga amat penting bagi menjamin kejayaan sesuatu projek ICT.

v. Pengurusan Projek Yang Cepak

Bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar, ia perlu diketuai oleh pengurus projek yang cekap. Penglibatan jawatankuasa yang terdiri daripada pihak atasan, ICT serta bahagian yang terlibat amat penting bagi memastikan projek dilaksanakan tanpa sebarang masalah serta mengikut jangka masa yang ditetapkan. Status terkini pelaksanaan perlu direkod secara bertulis dan perbincangan dilakukan secara berkala.

vi. Sokongan Pihak Pengurusan

Bagi melaksanakan ISP, warga kerja PTGS perlu bersedia terhadap sebarang perubahan yang akan dilakukan. Pelaksanaan program bagi tujuan berkenaan dilakukan secara berperingkat yang merangkumi golongan Pengurusan dan Profesional, Sokongan 1 dan Sokongan 2. Bagi memastikan pelaksanaan ISP berjalan dengan lancar, sokongan semua pihak terutama pihak pengurusan amat diperlukan dalam usaha untuk memastikan semua warga kerja PTGS memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan ISP.

7.0 PENUTUP

Pelan Strategik ICT PTGS 2012-2015 adalah merupakan satu dokumen **blue print** bagi PTGS untuk membangun dan mengoptimalkan penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pemahaman kepada dokumen ini adalah amat penting kerana dokumen ini akan digunakan di pelbagai peringkat warga kerja dan jabatan untuk dijadikan garis panduan bagi melaksanakan projek atau program ICT.

Penulisan Pelan Strategik ICT PTGS ini juga mengikut metodologi Model ASF. Dengan ini diharap ISP PTGS dapat menjadi garis panduan yang jelas bagi pembangunan ICT di Pejabat Tanah dan Galian Selangor.